

# Rumah PKNS 'West Country' hampir siap

Oleh Rusma Abdullah  
Pemberita Nadi Bangi

Ladang 'West Country' yang terletak kira-kira 1.6 km dari Kajang kini menjadi kawasan yang pesat membangun dengan projek perumahan kos rendah.

Projek perumahan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) itu dibina oleh Syarikat Haji Jamaluddin Dawi dan Syarikat Macinta Sdn. Bhd.

Syarikat Haji Jamaluddin Dawi sedang giat membina dan menyiapkan 194 unit rumah jenis 'cluster link' dua tingkat termasuk kerja-kerja asas dan bekalan air.

Tiap-tiap rumah akan dilengkапkan dengan tiga buah bilik, ruang tamu, dapur dan bilik air. Rumah ini akan diwarkan oleh PKNS dengan harga \$50,000 kepada orang ramai apabila ianya siap kelak.

Projek pembinaan yang bermula pada bulan Oktober 1984 itu dijangka akan siap pada bulan Disember 1985. Dengan adanya rumah kos rendah ini akan memberi peluang kepada orang yang berpendapatan sederhana untuk memilikinya.